

Kepada
Semua Pegawai Daerah,
Negeri Selangor Darul Ehsan

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN

BIL. 5 TAHUN 2008

**PINDAAN GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN) – PROJEK-PROJEK KECIL
PEMBANGUNAN**

1. TUJUAN

Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk membuat pindaan kepada garis panduan sediada ke atas kawalan penggunaan Akaun Khas bagi pelaksanaan projek-projek kecil pembangunan peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Pejabat-Pejabat Daerah.

2. LATAR BELAKANG

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke- 23 / 2008 yang bersidang pada 13 Ogos 2008 telah meluluskan penggunaan peruntukan ADUN bagi Projek Kecil Pembangunan dipinda daripada RM5,000.00 kepada tidak melebihi **RM20,000.00** setiap satu.

3. PENGGUNAAN PERUNTUKAN

- i) **Projek Kecil Pembangunan tidak melebihi RM20,000.00 setiap satu ;**

Projek Kecil Pembangunan perlu dijalankan di kawasan DUN masing-masing dan kontraktor yang dilantik untuk projek-projek kecil pembangunan mestilah kontraktor Kelas F tempatan / kawasan yang berdaftar dan memenuhi syarat serta pematuhan kepada semua peraturan kewangan sediada.

4. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling Perbendaharaan ini adalah berkuatkuasa mulai pada 15 Ogos 2008 dan hendaklah dibaca bersama dengan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2008**.

Sekian, terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, consisting of a horizontal line with a loop and a vertical line extending downwards, ending in a small hook.

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 13 Ogos 2008

Salinan Kepada :

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan),
Unit Perancang Ekonomi Negeri.